

Headline	Veteran BH, Utusan kutip derma RM26,000 untuk Palu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Sukan	Page No	69
ArticleSize	282 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 29,052		



## Veteran BH, Utusan kutip derma RM26,000 untuk Palu

**Kuala Lumpur:** Perlawanan amal bola sepak Veteran BH menentang Veteran Utusan Melayu di sini, kelmarin, bagi membantu mangsa gempa bumi di Palu, Sulawesi mengumpul sumbangan sebanyak RM26,000.

Program di padang Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Jamalullail yang turut menyaksikan perlawanan berkesudahan dengan keputusan 2-2.

TNB menghulurkan sumbangan paling banyak iaitu RM20,000. Turut menyumbang adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) dan Teras Tanjung Sdn Bhd iaitu masing-masing RM3,000.

Semua sumbangan itu diserahkan kepada Majlis Agama

Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

### Dua pertubuhan

Majlis penyerahan sumbangan itu turut disaksikan oleh Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin dan Pengarang Eksekutif BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzaman.

Pada majlis sama, Tuanku Syed Faizuddin berkenan menyaksikan penyerahan sumbangan bernilai RM151,309 yang diserahkan kepada dua pertubuhan bukan kerajaan iaitu Majlis Belia Perlis dan Institut Qayyim untuk diagihkan kepada mangsa gempa bumi di Sulawesi.

Sumbangan itu adalah hasil kutipan derma kariah lebih 100 masjid di Perlis, orang awam dan badan korporat.



[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI / BH]

**Tuanku Syed Faizuddin berkenan menyaksikan penyampaian** sumbangan daripada Pengurus Besar, Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan TNB, Datuk Omar Sidek (tiga dari kiri) kepada wakil penganjur Borhan Abu Samah di Bangsar, kelmarin. Turut hadir, Ahmad Zaini (dua dari kiri) dan Mohd Asri (dua dari kanan).